

FAKTOR KEJAYAAN KRITIKAL FIRMA PELANCONGAN KECIL
BERASASKAN PENGINAPAN DI PULAU LANGKAWI, KEDAH

MUHAMMAD HAKIMI BIN MOHD HUSSAIN

Tesis ini dikemukakan sebagai
memenuhi syarat bagi penganugerahan
Doktor Falsafah

Fakulti Alam Bina dan Ukur
Universiti Teknologi Malaysia

MAC 2020

Untuk bonda, bapa mertua, ibu mertua, isteri serta anak-anak yang tersayang. Kalian mengajar aku tentang erti pengorbanan sebenar.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan berkat dan limpah kurnia-Nya dapat saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan khas buat Profesor Madya TPr. Dr. Hairul Nizam Ismail selaku penyelia utama yang telah memberi tunjuk ajar, pandangan, panduan, komen serta cadangan-cadangan membina. Juga kepada pembantu penyelia, Dr. Syed Muhammad Rafy Syed Jaafar dan Dr. Noor Aimran Samsudin. Tanpa sokongan dan komitmen berterusan dari mereka, kajian ini tidak mungkin dapat dijayakan.

Ribuan terima kasih tidak terhingga kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kerana memberi kemudahan Hadiah Latihan Persekutuan - Cuti Belajar Bergaji Penuh (HLP-CBBP) serta kepada pihak pengurusan PLANMalaysia, Datin Paduka Dr. Dahlia, Dato' Rokibah dan Dato' Mohd Anuar kerana memberi ruang dan masa semasa tempoh pengajian saya berlangsung. Terima kasih kepada pihak pengurusan Universiti Teknologi Malaysia terutamanya Fakulti Alam Bina dan Ukur, Sekolah Pengajian Siswazah, Perpustakaan Sultanah Zanariah, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah serta Kolej Dato Onn Jaafar kerana melancarkan proses pengajian saya. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pihak yang telah membantu semasa proses pengumpulan maklumat terutamanya kepada pengusaha-pengusaha chalet dan hotel di Pulau Langkawi, pegawai-pegawai di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP), Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), SME Corporation Malaysia (SME Corp.) serta Pejabat Tanah Daerah Langkawi.

Akhir sekali, tidak dilupakan kepada ahli keluarga terutamanya isteri Pn. Siti Ruhaida Md Morad, bonda Hj. Noriyah Ghazali, mertua Hj. Md Morad Ahmad dan Hj. Masitah Abu Amin, anak-anak Muhammad Khaalish Hakim, Muhammad Fawwaz Hakim, Muhammad Aakif Hakim serta Aufaa Nur Hakim yang banyak berkorban masa di sepanjang tempoh pengajian ini. Juga kepada abang-abang, kakak-kakak serta adik-adik, rakan-rakan seperjuangan Dr. Nurul Diyana, Dr. Lina Munirah, Dr. Fadil, Dr. Iffah, Dr. Raizul, Dr. Yusman, Dr. Bashirah, Dr. Yusri, Dr. Alif, Anuar Jusoh, Mohamad Sabri, Zulazhar, Wang Tze Wee, Zaifulzahri, Hussaini, Ag Izzudin, Mohd. Safuan, rakan-rakan *Tourism Research Studio*, Shahirah, Hazlina Aniza, Nurzafirah, Syuhadah, Mohd Jamsheer, Pei Yee, Sulaiha, sahabat-sahabat Mohd Fauzi Elyas, Juraimi, Mohd Fahmi, Mohd Farabi, Ezrein Faizal, Nasrul Hadi, Rozaimi, Amir Hamzah, Ismail, Dr. Shamzani, Dr. Azlizan, Dr. Johan, Dr. Nazri, Zamsari, Ameruddin, Khalil Asmar, Siti Zalina, Mazidah, Pn Maznah, Peter, Harith, pegawai-pegawai PLANMalaysia serta lain-lain yang telah banyak memberikan sokongan dan bantuan sama ada secara langsung atau tidak langsung di samping memberi semangat, kerjasama dan galakan sehingga kejayaan dicapai. Sesungguhnya hanya Allah sahaja yang dapat membalas jasa kalian. Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Para sarjana dalam bidang pelancongan telah menerima Firma Pelancongan Kecil (STFs) sebagai salah satu ciri utama pembangunan pelancongan. Walau bagaimanapun, terdapat perbincangan terhadap keupayaan STFs untuk bersaing dan mengekalkan kedudukan mereka khususnya di kawasan yang menerima pembangunan pelancongan yang pesat. STFs sedia ada yang berusia melebihi 30 tahun di destinasi tersebut masih berupaya beroperasi dan mempunyai pengaruh besar terhadap pembangunan pelancongan. Walaupun begitu, pelbagai isu terhadap kemampuan bersaing STFs tidak difahami sepenuhnya terutama dalam aspek kewangan yang menjadi nadi terhadap kewujudan STFs. Oleh itu, objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor kritikal yang mempengaruhi kejayaan STFs. Ini termasuk ciri-ciri pengusaha dan firma, faktor penubuhan dan pertumbuhan firma serta aspek kewangan dan pengurusan kewangan firma. Pulau Langkawi dipilih sebagai kajian kes kerana ia merupakan destinasi pelancongan yang menjadi tumpuan pertumbuhan penginapan antara tertinggi di Malaysia : Langkawi mewakili 76% dan 5% daripada jumlah keseluruhan penginapan di Negeri Kedah dan Malaysia. Temu bual terperinci semi-struktur secara bersemuka dijalankan ke atas 21 informan utama yang mewakili 16 STFs yang dikenal pasti sebagai antara firma terawal yang beroperasi sejak tahun 1983. Analisis tematik dijalankan dengan perisian kualitatif Atlas.Ti. Dapatan kajian mengenal pasti empat tema utama yang merangkumi aspek ciri-ciri pengusaha dan firma, faktor penubuhan, faktor pertumbuhan serta faktor kewangan dan pengurusan kewangan firma. Dapatan juga menunjukkan bahawa pembiayaan alternatif merupakan sumber modal utama kepada STFs dalam mengembangkan perniagaan mereka. Pembiayaan alternatif juga didapati sebagai pendekatan yang tepat untuk STFs untuk mengekalkan daya saing mereka dalam perniagaan berbanding dengan pembiayaan konvensional yang dianggap tidak fleksibel terhadap isu pemilikan tanah dan pegangan perniagaan yang dihadapi STFs. Kajian ini telah membangunkan satu rangka kerja modal kewangan dan pertumbuhan STFs. Hasil kajian ini memberi sudut pandangan berlainan yang meliputi aspek modal kewangan bagi melihat faktor kejayaan kritikal STFs. Kajian ini dapat membantu pihak berkepentingan seperti institusi kewangan dan agensi kerajaan dalam merangka inisiatif dan program yang lebih baik untuk pembangunan STFs, dengan itu menyumbang kepada persekitaran urus tadbir yang cekap dalam mewujudkan pembangunan pelancongan yang mampan.

ABSTRACT

Scholars in the tourism field have accepted Small Tourism Firms (STFs) as one of the main features of tourism development. Nevertheless, there is still debate on the ability of STFs to compete and maintain their position especially in destinations undergoing rapid tourism development. Existing STFs of more than 30 years in these destinations can still operate and exert a large influence on tourism development. Despite this, various issues of STFs competitive capability are not fully understood, particularly the financial aspect which is the cornerstone of STFs existence and success. Therefore, the main objective of this study is to determine the critical factors that influence the success of STFs. This includes the characteristics of the operator and firm, firm establishment and growth factors, firm finance and financial management. Langkawi Island was chosen as the case study, as it is a tourism destination with one of the highest accommodation growth rates in Malaysia: Langkawi represents 76% and 5% of the total accommodation in Kedah State and Malaysia, respectively. In-depth interviews were conducted with 21 primary informants representing 16 STFs, identified as among the first firms to operate in the accommodation sector since the year 1983. A thematic analysis was performed with Atlas.Ti qualitative software. The findings identified four main themes covering the aspects of operator and firm characteristics, namely establishment factors, growth factors, finance and financial management of the firm. Findings also indicate that alternative financing is the main source of capital for STFs in growing their business. Alternative financing is also found to be the right approach for STFs to maintain their competitiveness in business compared to conventional financing, which is seen to be inflexible regarding land ownership issues and business holdings faced by STFs. This study has developed a framework for STFs financial capital and growth. The results of this study offer a different point of view covering financial capital aspects for observing the critical success factors of STFs. This study is valuable for stakeholders such as financial institutions and government agencies in drafting better initiatives and programmes for STFs development, thus contributing towards an effective environment of governance in establishing sustainable tourism development.

SENARAI KANDUNGAN

| | TAJUK | MUKA SURAT |
|--------------|--|--------------|
| | PENGESAHAN KETULINAN | iii |
| | DEDIKASI | iv |
| | PENGHARGAAN | v |
| | ABSTRAK | vi |
| | ABSTRACT | vii |
| | SENARAI KANDUNGAN | ix |
| | SENARAI JADUAL | xiv |
| | SENARAI RAJAH | xvi |
| | SENARAI SINGKATAN | xvii |
| | SENARAI LAMPIRAN | xviii |
| BAB 1 | Pengenalan | 1 |
| | 1.1 Pengenalan | 1 |
| | 1.2 Latar Belakang Penyelidikan | 2 |
| | 1.2.1 Jurang Penyelidikan | 4 |
| | 1.3 Pernyataan Masalah | 6 |
| | 1.4 Persoalan Penyelidikan | 8 |
| | 1.5 Matlamat, Objektif dan Skop Penyelidikan | 9 |
| | 1.5.1 Matlamat Penyelidikan | 9 |
| | 1.5.2 Objektif Penyelidikan | 9 |
| | 1.5.3 Skop Penyelidikan | 9 |
| | 1.6 Kepentingan Penyelidikan | 10 |
| | 1.7 Rangka Kerja Penyelidikan | 11 |
| | 1.8 Struktur Laporan Penyelidikan | 12 |
| | 1.9 Rumusan | 14 |

| | | |
|--------------|---|-----------|
| BAB 2 | KAJIAN LITERATUR | 15 |
| 2.1 | Pengenalan | 15 |
| 2.2 | Firma Pelancongan Kecil | 15 |
| 2.3 | Karakter Firma Pelancongan Kecil | 16 |
| 2.3.1 | Saiz Firma | 18 |
| 2.3.2 | Klasifikasi Aktiviti | 19 |
| 2.3.3 | Pemilikan Keluarga | 21 |
| 2.3.4 | Pemilikan Tunggal dan Perkongsian | 25 |
| 2.3.5 | Pemilikan Tempatan | 26 |
| 2.3.6 | Motivasi pengusaha | 27 |
| 2.4 | Model Pertumbuhan Firma Kecil | 30 |
| 2.4.1 | Peringkat Pertumbuhan Firma | 31 |
| 2.4.2 | Faktor Ukuran Prestasi Firma | 32 |
| 2.4.3 | Faktor Mempengaruhi Pertumbuhan Firma | 35 |
| 2.4.4 | Faktor Nilai Kekeluargaan di Dalam Pertumbuhan Firma | 38 |
| 2.5 | Faktor Kewangan dan Pengurusan Kewangan Firma Kecil | 40 |
| 2.6 | Senario Firma Pelancongan Kecil Di Malaysia | 43 |
| 2.7 | Penyelidikan Terdahulu Berkaitan Firma Pelancongan Kecil | 45 |
| 2.8 | Kerangka Kajian Literatur | 49 |
| 2.9 | Rumusan | 52 |
| BAB 3 | METODOLOGI PENYELIDIKAN | 53 |
| 3.1 | Pengenalan | 53 |
| 3.2 | Falsafah, Pendekatan dan Reka Bentuk Penyelidikan | 53 |
| 3.2.1 | Falsafah Penyelidikan | 53 |
| 3.2.2 | Pendekatan Penyelidikan | 55 |
| 3.2.3 | Reka Bentuk Penyelidikan | 56 |
| 3.3 | Pemilihan Pulau Langkawi Sebagai Kajian Kes | 58 |
| 3.4 | Saiz Populasi | 61 |
| 3.5 | Temu Bual Semi-Struktur | 68 |
| 3.6 | Analisis Tematik | 72 |

| | | |
|--------------|--|-----------|
| 3.6.1 | Peringkat 1 : Membiasakan Diri Dengan Data | 73 |
| 3.6.2 | Peringkat 2 : Menjana Kod Awal | 74 |
| 3.6.3 | Peringkat 3 : Mencari Tema | 74 |
| 3.6.4 | Peringkat 4 : Mengkaji Potensi Tema | 75 |
| 3.6.5 | Peringkat 5 : Memuktamadkan dan Menamakan Tema | 76 |
| 3.6.6 | Peringkat 6 : Penghasilan Laporan | 78 |
| 3.7 | Penggunaan CAQDAS di Dalam Proses Penjanaan Kod dan Pembentukan Tema | 79 |
| 3.8 | Pengesahan Data | 81 |
| 3.9 | Rumusan | 82 |
| BAB 4 | ANALISIS DAN PENEMUAN PENYELIDIKAN | 83 |
| 4.1 | Pengenalan | 83 |
| 4.2 | Karakter Pengusaha dan Firma | 83 |
| 4.2.1 | Ciri-ciri Pengusaha dan Firma | 83 |
| 4.2.2 | Mekanisma Penentuan Prestasi Firma | 88 |
| 4.3 | Faktor Penubuhan | 93 |
| 4.3.1 | Matlamat Penubuhan | 93 |
| 4.3.2 | Inisiatif Kerajaan | 95 |
| 4.3.3 | Kesediaan Modal Permulaan | 97 |
| 4.3.4 | Peluang Pasaran | 100 |
| 4.3.5 | Pengalaman | 101 |
| 4.4 | Faktor Pertumbuhan | 103 |
| 4.4.1 | Persekitaran Perniagaan | 103 |
| 4.4.2 | Strategi dan Pengurusan Perniagaan | 112 |
| 4.4.3 | Faktor Keluarga | 121 |
| 4.4.4 | Motivasi Pengusaha | 126 |
| 4.5 | Faktor Kewangan dan Pengurusan Kewangan Firma | 129 |
| 4.5.1 | Pengurusan Kewangan | 130 |
| 4.5.2 | Sumber Pembiayaan Konvensional | 136 |
| 4.5.3 | Sumber Pembiayaan Alternatif | 141 |
| 4.5.4 | Langkah Mengatasi Masalah Modal Kewangan | 143 |

| | | |
|--------------|---|------------|
| 4.6 | Rumusan | 145 |
| BAB 5 | PERBINCANGAN PENEMUAN PENYELIDIKAN | 147 |
| 5.1 | Pengenalan | 147 |
| 5.2 | Karektor STFs | 147 |
| 5.2.1 | Ciri-Ciri Pengusaha | 148 |
| 5.2.2 | Saiz STFs | 149 |
| 5.2.3 | Aktiviti STFs | 149 |
| 5.2.4 | Pemilikan STFs | 150 |
| 5.2.5 | Matlamat Memulakan Perniagaan | 151 |
| 5.3 | Faktor Ukuran Prestasi STFs | 152 |
| 5.3.1 | Faktor Kewangan | 153 |
| 5.3.2 | Faktor Fizikal | 153 |
| 5.3.3 | Faktor Bukan Kewangan | 154 |
| 5.4 | Faktor Mempengaruhi Pertumbuhan STFs | 155 |
| 5.4.1 | Amalan Operasi STFs | 156 |
| 5.4.2 | Persekitaran Perniagaan STFs | 158 |
| 5.4.3 | Sokongan Kerajaan dan Agensi | 159 |
| 5.4.4 | Kewangan STFs | 161 |
| 5.4.5 | Motivasi Pengusaha STFs | 162 |
| 5.4.6 | Keluarga | 163 |
| 5.5 | Aspek Kekeluargaan dan Pertumbuhan STFs | 163 |
| 5.5.1 | Mempengaruhi Matlamat dan Motivasi Perniagaan STFs | 164 |
| 5.5.2 | Mempercepatkan Pertumbuhan STFs | 164 |
| 5.5.3 | Memperlahankan Pertumbuhan STFs | 166 |
| 5.6 | Aspek Modal Kewangan dan Pertumbuhan STFs | 167 |
| 5.6.1 | Modal Permulaan STFs | 167 |
| 5.6.2 | Modal Pengembangan STFs | 169 |
| 5.7 | Rumusan | 170 |
| BAB 6 | KESIMPULAN DAN CADANGAN | 173 |
| 6.1 | Pengenalan | 173 |

| | | |
|-------|--|------------|
| 6.2 | Rumusan Penemuan | 173 |
| 6.2.1 | Karektor Firma Pelancongan Kecil Berasaskan Penginapan | 173 |
| 6.2.2 | Rangka Kerja Faktor Kejayaan Kritikal Pertumbuhan STFs Berasaskan Penginapan | 175 |
| 6.2.3 | Rangka Kerja Bersepadu Modal Kewangan dan Pertumbuhan STFs Berasaskan Penginapan | 178 |
| 6.3 | Implikasi dan Cadangan | 183 |
| 6.3.1 | Implikasi Kepada Teori | 183 |
| 6.3.2 | Implikasi dan Cadangan Kepada Praktis | 183 |
| 6.4 | Refleksi Kepada Metodologi | 184 |
| 6.5 | Cadangan Untuk Penyelidikan Lanjut | 185 |
| 6.6 | Rumusan | 186 |
| | RUJUKAN | 187 |
| | SENARAI PENERBITAN | 219 |

SENARAI JADUAL

| NO. JADUAL | TAJUK | MUKA SURAT |
|-------------------|--|-------------------|
| Jadual 1.1 | Agenda Penyelidikan STFs | 5 |
| Jadual 2.1 | Indikator Firma Kecil dan Sederhana mengikut negara | 18 |
| Jadual 2.2 | Nilai Kekeluargaan di dalam Firma Pelancongan Kecil | 22 |
| Jadual 2.3 | Hubungan Kait Nilai Kekeluargaan dalam Orientasi Operasi STF's | 24 |
| Jadual 2.4 | Klasifikasi Motivasi di dalam Keusahawanan STFs | 28 |
| Jadual 2.5 | Kelebihan Perbandingan Karakter STFs | 29 |
| Jadual 2.6 | Evolusi Prestasi, Pertumbuhan dan Kejayaan Firma | 31 |
| Jadual 2.7 | Faktor Ukuran Prestasi Firma | 33 |
| Jadual 2.8 | Faktor Mempengaruhi Pertumbuhan Firma | 36 |
| Jadual 2.9 | PKS Sektor Pelancongan di Malaysia, 2011 | 44 |
| Jadual 2.10 | Penyelidikan terdahulu berkaitan STFs | 46 |
| Jadual 2.11 | Bidang Penyelidikan STFs | 47 |
| Jadual 2.12 | Geografi dan Metodologi Penyelidikan STFs | 48 |
| Jadual 2.13 | Sebahagian Penyelidikan STFs di Malaysia | 48 |
| Jadual 2.14 | Penyelidikan Terdahulu Berkaitan Faktor Kejayaan Firma Sektor Pelancongan | 49 |
| Jadual 2.15 | Kerangka Kajian Literatur | 50 |
| Jadual 3.1 | Perbandingan Falsafah Positivisme dan Interpretivisme | 54 |
| Jadual 3.2 | Perbezaan Antara Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif | 55 |
| Jadual 3.3 | Jumlah Ketibaan Pelancong dan Jumlah Pendapatan Pelancongan Pulau Langkawi Tahun 2012 hingga 2017 | 59 |
| Jadual 3.4 | Bilangan Firma Penginapan Tahun 2015 | 59 |
| Jadual 3.5 | Bilangan Firma Sektor Penginapan di Destinasi Pelancongan Pantai dan Pulau Semenanjung Malaysia Tahun 2017 | 60 |
| Jadual 3.6 | Populasi Firma Berdaftar Sektor Penginapan Di Pulau Langkawi Sehingga Tahun 2016 | 62 |

| | | |
|-------------|---|-----|
| Jadual 3.7 | Pengenalpastian Populasi Peringkat Pertama | 63 |
| Jadual 3.8 | Pengenalpastian Populasi Peringkat Kedua | 64 |
| Jadual 3.9 | Firma dan Informan | 66 |
| Jadual 3.10 | Tarikh dan Tempoh Masa Sesi Temu Bual | 70 |
| Jadual 4.1 | Triangulasi Data Tema Utama 1 – Karektor Pengusaha dan Firma | 92 |
| Jadual 4.2 | Triangulasi Data Tema Utama 2 – Faktor Penubuhan | 102 |
| Jadual 4.3 | Triangulasi Data Tema Utama 3 – Faktor Pertumbuhan | 129 |
| Jadual 4.4 | Triangulasi Data Tema Utama 4 – Faktor Kewangan dan Pengurusan Kewangan Firma | 144 |
| Jadual 5.1 | Penemuan Signifikan Karektor STFs | 148 |
| Jadual 5.2 | Perbandingan Faktor Ciri-Ciri Pengusaha STFs | 148 |
| Jadual 5.3 | Perbandingan Faktor Saiz Firma STFs | 149 |
| Jadual 5.4 | Perbandingan Faktor Aktiviti STFs | 150 |
| Jadual 5.5 | Perbandingan Faktor Pemilikan STFs | 150 |
| Jadual 5.6 | Perbandingan Matlamat Memulakan Perniagaan STFs | 151 |
| Jadual 5.7 | Penemuan Signifikan Ukuran Prestasi STFs | 152 |
| Jadual 5.8 | Perbandingan Ukuran Prestasi – Faktor Kewangan STFs | 153 |
| Jadual 5.9 | Perbandingan Ukuran Prestasi – Faktor Fizikal STFs | 154 |
| Jadual 5.10 | Perbandingan Ukuran Prestasi – Bukan Kewangan STFs | 155 |
| Jadual 5.11 | Penemuan Signifikan Faktor Pertumbuhan STFs | 156 |
| Jadual 5.12 | Perbandingan Faktor Amalan Operasi STFs | 157 |
| Jadual 5.13 | Perbandingan Faktor Persekitaran Perniagaan STFs | 159 |
| Jadual 5.14 | Perbandingan Faktor Sokongan Kerajaan dan Agensi | 160 |
| Jadual 5.15 | Perbandingan Faktor Kewangan STFs | 161 |
| Jadual 5.16 | Perbandingan Faktor Kewangan STFs | 162 |
| Jadual 5.17 | Perbandingan Faktor Keluarga STFs | 163 |
| Jadual 5.18 | Kadar Pertumbuhan dan Modal Kewangan | 168 |

SENARAI RAJAH

| NO.RAJAH | TAJUK | MUKA SURAT |
|-----------------|---|-------------------|
| Rajah 1.1 | Asas Penyelidikan STFs | 4 |
| Rajah 1.2 | Konsep Rangka Kerja Penyelidikan | 12 |
| Rajah 2.1 | Sektor Firma Dalam Industri Pelancongan | 20 |
| Rajah 2.2 | Faktor Mempengaruhi Prestasi Firma Kecil | 37 |
| Rajah 2.3 | Model Pembangunan Tiga Dimensi Pembangunan Firma Keluarga | 38 |
| Rajah 2.4 | Rangka Kerja Bersepadu Kewangan Keusahawanan dan Pertumbuhan | 41 |
| Rajah 3.1 | Reka Bentuk Penyelidikan Kualitatif | 57 |
| Rajah 3.2 | Pelan Kunci Pulau Langkawi | 58 |
| Rajah 3.3 | Pelan Lokasi STFs Sektor Penginapan – Bandar Kuah, Pantai Tengah dan Pantai Cenang, Langkawi | 65 |
| Rajah 3.4 | Rajah Peringkat Perkembangan Bilangan Bilik Penginapan STFs | 67 |
| Rajah 3.5 | Dimensi Kaedah Temu Bual | 68 |
| Rajah 3.6 | Logik Analisis Data Secara Tematik | 75 |
| Rajah 3.7 | Ilustrasi Tema 1 dan Tema 2 | 76 |
| Rajah 3.8 | Ilustrasi Tema 3 hingga 7 | 77 |
| Rajah 3.9 | Ilustrasi Tema 8 hingga 11 | 78 |
| Rajah 3.10 | Ilustrasi Tema 12 hingga 15 | 78 |
| Rajah 3.11 | Paparan salah satu contoh rangkaian tema, sub-tema, kod dan petikan teks di dalam perisian Atlas.ti | 80 |
| Rajah 5.1 | Hubungkait Faktor Kekeluargaan dan Pertumbuhan STFs | 165 |
| Rajah 6.1 | Karektor STFs Berasaskan Penginapan | 174 |
| Rajah 6.2 | Rangka Kerja Faktor Kejayaan Kritikal Pertumbuhan STFs Berasaskan Penginapan | 176 |
| Rajah 6.3 | Rangka Kerja Bersepadu Modal Kewangan dan Pertumbuhan STFs Berasaskan Penginapan | 180 |

SENARAI SINGKATAN

| | | |
|-----------|---|---|
| ASEAN | - | <i>Association of Southeast Asian Nations</i> |
| CHOGM | - | <i>The Commonwealth Heads of Government Meeting</i> |
| DTN | - | Dasar Transformasi Nasional |
| EPU | - | Unit Perancang Ekonomi (Sekarang dikenali sebagai Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)) |
| ETP | - | Program Transformasi Ekonomi |
| KDNK | - | Keluaran Dalam Negara Kasar |
| LADA | - | Lembaga Pembangunan Langkawi |
| LIMA | - | Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition |
| MARA | - | Majlis Amanah Rakyat |
| MOTOUR | - | Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya |
| MPLBP | - | Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan |
| NKEA | - | Bidang Ekonomi Utama Negara |
| PEMANDU | - | <i>Performance Management Delivery Unit</i> |
| PKS | - | Perusahaan Kecil dan Sederhana (Small Medium Enterprise) |
| RRJP | - | Rangka Rancangan Jangka Panjang Negara |
| SME Corp. | - | Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corporation Malaysia) |
| STFs | - | <i>Small Tourism Firms</i> (Firma Pelancongan Kecil) |
| TDC | - | <i>Tourist Development Corporation of Malaysia</i> |
| TUK | - | Tabung Usahawan Kecil |
| UNESCO | - | <i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i> |

SENARAI LAMPIRAN

| LAMPIRAN | TAJUK | MUKA SURAT |
|------------|--|------------|
| Lampiran A | Senarai Informan dan Firma | 201 |
| Lampiran B | Protokol Temu Bual | 209 |
| Lampiran C | Contoh Transkripsi Asal | 211 |
| Lampiran D | Contoh Terjemahan Petikan Temu Bual Ke Bahasa Melayu Rasmi | 217 |

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Pelancongan merupakan salah satu industri yang menjadi tumpuan kerajaan dalam usaha mempelbagaikan hasil negara. Malaysia merekodkan peningkatan jumlah kedatangan pelancong daripada 24.58 juta pada tahun 2010 kepada 25.83 juta pada tahun 2018. Industri pelancongan kekal sebagai sumber penting perolehan tukaran matawang asing di mana pada tahun 2017 sahaja industri ini menjana perolehan tukaran matawang asing sebanyak RM82.1 bilion iaitu peningkatan sebanyak 45.3 peratus sejak tahun 2010 (Tourism Malaysia, 2019). Industri ini juga menggaji seramai 2.2 juta pekerja atau 16.8 peratus daripada jumlah guna tenaga pada tahun 2013 (EPU, 2015).

Pada masa yang sama, statistik menunjukkan pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia dalam tempoh 2011-2017 mengatasi pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDKN) keseluruhan negara iaitu 6.6 peratus berbanding 5.2 peratus. Pertumbuhan PKS ini melibatkan sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan termasuk pelancongan (SME Corporation Malaysia, 2018). Secara umumnya, penyelidik-penyelidik melihat PKS sebagai sektor kompetitif dalam menjanakan peluang pekerjaan dan meningkatkan kualiti sosio-ekonomi bagi sesebuah destinasi pelancongan di kawasan bandar dan wilayah (Page *et al.*, 2001; Wanhill, 2000; Rogerson, 2008). Berdasarkan statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (2016a), terdapat sebanyak 504,554 PKS sektor pelancongan di Malaysia pada tahun 2015 iaitu mewakili 55.6 peratus daripada keseluruhan PKS dan 55.8 peratus daripada keseluruhan pertumbuhan perniagaan di Malaysia. Peratusan yang agak besar ini menunjukkan kepentingan mereka di dalam landskap perniagaan di negara ini.

Ritchie dan Crouch (2003) menjelaskan perusahaan dalam industri pelancongan bagi sesebuah destinasi merupakan sumberjaya destinasi yang mempunyai kelebihan perbandingan (*comparative advantage*). Oleh yang demikian, ianya perlu diinovasi dan dibangunkan supaya menjadi sumberjaya yang mempunyai kelebihan daya saing. Selain itu, pembangunan destinasi pelancongan juga kebanyakannya bermula dengan pembangunan perusahaan kecil (Getz & Carlsen, 2005; Thomas *et al.*, 2011).

1.2 Latar Belakang Penyelidikan


PKS ditakrifkan sebagai firma mengikut beberapa kategori iaitu mikro, kecil dan sederhana bergantung kepada nilai jualan tahunan dan jumlah pekerja (SME Corporation Malaysia, 2018). Bagi penyelidikan ini, istilah firma kecil digunakan bagi diselaraskan dengan penulisan jurnal-jurnal antarabangsa. Firma kecil telah dikenalpasti umum sebagai penyumbang kepada pembangunan ekonomi, peluang pekerjaan dan kesihatan umum serta kesejahteraan ekonomi di peringkat nasional dan antarabangsa (Morrison *et al.*, 2003). Secara umumnya, pembangunan sektor firma kecil diberi fokus sejak *Macmillan Report 1931* yang menumpukan pembangunan firma kecil sebagai strategi pemulihan krisis ekonomi Eropah (*Great Depression*) pada akhir 1920-an. Kemudian, pada awal tahun 1970-an, *Bolton Report on Small Firms* (Bolton Report 1971) dilancarkan untuk merangsang dan memacu pertumbuhan sektor firma kecil di Eropah menjadi firma bertaraf '*multinational corporation*' (Jenning & Beaver, 1997). Sejak itu, sektor firma kecil diberi keutamaan sebagai kluster ekonomi utama Eropah, khususnya ketika Eropah dan dunia dalam tempoh krisis ekonomi - 'World Slump 1973-1982' (Lewis *et al.* 1983; Scott & Bruce, 1987; Blackburn, 2002; Tapia, 2013).

Sejak firma kecil menjadi tumpuan sebagai penyumbang dan pemangkin kepada ekonomi dunia, para penyelidik mula menghasilkan teori-teori dan perbincangan bagi memahami sektor ini. Antaranya seperti *Theory The Business Cycle* oleh Mitchell (1927), *The Greiner Model* oleh Greiner (1972) iaitu model pertumbuhan firma melalui paradigma 'corporate capitalism' (D'Amboise &

Muldowney, 1998), *Three Circle Model* oleh Tagiuri dan Davis (1982) yang menerangkan tentang konsep perniagaan keluarga. Seterusnya *Three Circle Model* dikembangkan oleh Gersick et al. (1997) melalui *Family Business Development Model* yang memperincikan hubungan antara pemilikan, fasa perkembangan serta kekeluargaan di dalam perniagaan keluarga. Teori-teori ini menjadi asas kepada penyelidik bagi memahami struktur dan pertumbuhan firma kecil secara umum.

Firma kecil sektor pelancongan atau di dalam penyelidikan ini disebut sebagai firma pelancongan kecil (*Small Tourism Firms – STFs*) mula dilihat oleh para penyelidik bermula era 1980-an. Para penyelidik seperti Stallinbrass (1980), Rodenberg (1980), Murphy (1986) & Shaw dan Williams (1987) mula mengenalpasti STFs sebagai sektor yang signifikan dalam konteks pembangunan ekonomi di wilayah dan desa (Thomas, 2004; Carlsen *et al.*, 2008). Seterusnya di era tahun 1990-an hingga sekarang, para penyelidik mula melihat STFs di dalam pertumbuhan destinasi pelancongan desa, eko-pelancongan, pelancongan persisiran pantai dan pulau, pelancongan bandar serta sebagai kluster ekonomi yang berdaya saing selain kajian khusus berkenaan ciri-ciri, peranan serta strategi dan pengurusan STFs (Page *et al.*, 1999; Ateljevic & Doorne, 2003; Hall, 2004; Rogerson, 2008; Avci *et al.*, 2011; Lai *et al.*, 2017).

Secara umumnya, asas penyelidikan STFs berasal daripada disiplin keusahawanan dan dilihat dari sudut disiplin pelancongan (Rajah 1.1). Pelancongan adalah produk komposit yang melibatkan gabungan pelbagai barangan dan perkhidmatan yang disediakan oleh sektor yang berbeza. Oleh itu, pelancongan boleh dikaji menggunakan kedua-dua alat ekonomi berasaskan industri dan berasaskan pasaran (Song *et al.*, 2012). Song *et al.* (2012) menegaskan, penyelidikan ekonomi pelancongan yang selama ini menggunakan *neoclassical economics* telah menyumbang kepada pemahaman yang besar kepada sektor ini. Walau bagaimanapun, ianya perlu dilihat dari perspektif yang berbeza di mana mengintegrasikan ekonomi dengan disiplin sains sosial yang lain akan dapat menyumbang kepada penciptaan pengetahuan dalam penyelidikan pelancongan.



Rajah 1.1 Asas Penyelidikan STFs

1.2.1 Jurang Penyelidikan

Penyelidikan berkaitan STFs dilihat sangat perlahan dan masih terlalu sedikit dan disifatkan sebagai ‘under-theorised’ dan ‘under-researched’ (Morrison & Teixeira, 2004; Thomas, 2004; Rogerson, 2008). Penyelidik-penyelidik lebih cenderung mengklasifikasikan karakter STFs sama seperti karakter perusahaan kecil lain yang berorientasikan pembuatan atau pengeluaran produk yang bersifat ‘homogeneity’ dan formal. Li (2008) di dalam penyelidikannya mendapati hanya 2 peratus penerbitan berkaitan dengan aspek keusahawanan daripada jumlah keseluruhan penerbitan artikel di dalam jurnal-jurnal terkemuka bidang hospitaliti serta pengurusan pelancongan dan ianya tidak meningkat dalam tempoh 21 tahun (1996-2006). Selain itu, para penyelidik didapati lebih cenderung menjalankan penyelidikan empirikal berbanding pembangunan teori. Aspek yang menjadi tumpuan penyelidik adalah pengurusan dan tingkah laku keusahawanan.

Thomas et al. (2011) di dalam penyelidikannya telah mengenalpasti tiga agenda penyelidikan STFs untuk masa hadapan iaitu bidang yang perlu diteroka, bidang baru muncul dan bidang yang telah dibangunkan (Jadual 1.1). Secara umumnya, bidang-bidang di bawah kategori bidang yang perlu diteroka sebahagian besarnya dikenalpasti ditinggalkan daripada penelitian penyelidikan pelancongan.

Daripada bidang-bidang yang dikenalpasti ini di bawah kategori ini, aspek pertumbuhan dan kegagalan perniagaan kecil dilihat perlu penelitian lanjut (Reichel & Haber, 2005; Reijonen & Komppula, 2007; Brown *et al.*, 2014).

Jadual 1.1 Agenda Penyelidikan STFs

| Bidang yang perlu diteroka (secara umumnya tiada dalam penyelidikan pelancongan) | Bidang baru muncul (kurang dalam penyelidikan pelancongan) | Bidang yang telah dibangunkan (memerlukan pembangunan teori lanjutan) |
|--|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> - Pertumbuhan dan kegagalan perniagaan kecil - strategi perniagaan - Kewangan dan pengurusan kewangan - Rantainya bekalan - Pengurusan pengetahuan dan inovasi - Penjelasan perubahan struktur - Kajian perbandingan antarabangsa - Festival kecil dan perniagaan acara | <ul style="list-style-type: none"> - Hubungan ekonomi tidak rasmi - <i>pro-poor tourism</i> - Firma etnik - Jantina - Perspektif sosial dan budaya - Pembangunan ekonomi tempatan - ICT - Pembentukan dasar dan penyertaan dalam perkongsian tempatan | <ul style="list-style-type: none"> - Kemampanan - Ciri-ciri dan motivasi (termasuk gaya hidup) - Latihan dan pembelajaran - Kesan pembangunan ekonomi (atau penilaian) dasar awam - Sumbangan kepada ekonomi tempatan - Rangkaian firma kecil dan pengelompokan - Pemasaran |

Sumber : Thomas *et al.* (2011)

Thomas *et al.* (2011) menyatakan penggunaan teori pertumbuhan atau pembangunan firma daripada disiplin perniagaan boleh menjelaskan perubahan struktur STFs dengan lebih baik malah ianya merupakan bidang penyelidikan yang baru untuk ahli akademik pelancongan. Sebelum itu, Li (2008) juga telah mengenalpasti bahawa penyelidikan akan datang perlu dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor kejayaan dan kegagalan syarikat hospitaliti untuk memperbaiki teori asas sedia ada. Aspek pertumbuhan dan kegagalan STFs juga sangat berkait rapat dengan aspek-aspek lain yang disenaraikan di dalam Jadual 1.1. Aspek-aspek yang menyumbang kepada pertumbuhan dan kegagalan STFs adalah strategi perniagaan (Avcı *et al.*, 2011), kewangan dan pengurusan kewangan (Fraser *et al.*, 2015), pengurusan pengetahuan dan inovasi (Craig & Dibrell, 2006), sosial dan budaya (Zhao *et al.*, 2011), teknologi maklumat (Spencer *et al.*, 2012), ciri-ciri dan motivasi (Akbaba, 2012; Lai *et al.*, 2017), latihan dan pembelajaran (Kelliher *et al.*, 2009) dan aspek pemasaran (Friel, 1999).

Dewasa ini, beberapa penyelidik mula melihat kepada kepentingan aspek kewangan di dalam mempengaruhi pertumbuhan sesebuah firma (Bottazzi *et al.*, 2014; Fraser *et al.*, 2015; Xiang *et al.*, 2015). Faktor-faktor seperti modal permulaan, akses kepada pinjaman kewangan, jurang pembiayaan, kekangan kewangan serta keputusan pembiayaan firma dilihat antara faktor yang akan memberi kesan kepada perkembangan STFs. Terdapat juga keperluan penyelidikan untuk menguraikan kognitif daripada kekangan kewangan untuk lebih memahami peranan sumber kewangan dalaman dalam membantu pertumbuhan dan keperluan untuk meneroka hubungan antara sumber bukan bank dan pertumbuhan mereka (Fraser *et al.*, 2015).

Dari aspek geografi penyelidikan, didapati penyelidikan STFs yang telah dijalankan memberi tumpuan kepada benua Eropah terutamanya kajian kes di United Kingdom dan diikuti oleh benua Asia dan Australia & Oseania. Di dalam konteks penyelidikan STFs di Malaysia, beberapa penyelidik hanya melihat dari dua aspek iaitu ciri-ciri STFs dan prestasi firma (Othman & Rosli, 2011; Jaafar & Maideen, 2012; Set, 2013b). Walaupun telah ada usaha ke arah penerbitannya, aspek-aspek penyelidikan masih tidak mampu menjelaskan dengan terperinci fenomena sebenar STFs di Malaysia. Setiap aspek perbincangan di dalam penyelidikan-penyelidikan ini disentuh secara umum dan menggunakan faktor-faktor sedia ada daripada penyelidikan terdahulu. Keadaan ini membataskan kepada penemuan-penemuan terbaru bagi pengalaman STFs di Malaysia secara khusus. Jurang ini dilihat sebagai satu peluang kepada penyelidikan ini.

1.3 Pernyataan Masalah

Sebelum ini, terdapat perbincangan terhadap keupayaan STFs untuk bersaing dan bertahan khususnya di destinasi yang menerima pembangunan pelancongan yang pesat (Page *et al.*, 2001). Walau bagaimanapun, rekod menunjukkan terdapat STFs yang berusia melebihi 30 tahun di destinasi sebegini masih berupaya beroperasi dan mempunyai pengaruh besar terhadap perkembangan pelancongan. Dalam konteks ini, pelbagai isu terhadap kemampuan bersaing khususnya dari segi kejayaan masih belum sepenuhnya difahami terutama dalam aspek kewangan yang menjadi nadi terhadap

penubuhan dan pertumbuhan STFs. Bagi melihat dengan lebih mendalam faktor-faktor kejayaan sesebuah STFs, aspek modal kewangan dan faktor-faktor lain yang mempengaruhi penubuhan dan pertumbuhan perlu diteliti di dalam konteks STFs itu sendiri. Setiap faktor yang mempengaruhi pertumbuhan sesebuah firma secara langsung dipengaruhi oleh faktor kekangan kewangan firma. Kekangan kewangan merupakan salah satu halangan kepada pertumbuhan firma kecil baik di peringkat awal penubuhan sehinggalah pada setiap peringkat perkembangan mereka (Aidis & Mickiewicz, 2006; Bottazzi *et al.*, 2014). Penyelidikan terdahulu juga menunjukkan keupayaan firma dalam mendapatkan pembiayaan luar mempengaruhi pertumbuhan mereka (Mac an Bhaird & Lucey, 2011; Rasmussen & Sørheim, 2012; Jøeveer, 2013; Xiang *et al.*, 2015).

Selain daripada kesulitan mendapatkan dana daripada pihak luar, terdapat juga situasi di mana mereka lebih cenderung untuk tidak meminjam. Kecenderungan ini terdorong disebabkan oleh beberapa faktor (Zhang *et al.*, 2012). Dalam memahami keputusan kewangan firma, kognisi keusahawanan perlu dilihat di mana pelbagai faktor sama ada dalaman dan luaran akan mempengaruhi setiap keputusan kewangan yang dibuat oleh usahawan. Ini secara langsung akan memberi kesan kepada perkembangan firma itu sendiri (Wright & Stigliani, 2013; Fraser *et al.*, 2015).

Untuk tujuan ini, Pulau Langkawi telah dipilih sebagai kajian kes berdasarkan karektor yang unik berbanding destinasi pelancongan pantai dan pulau di Malaysia di mana ianya adalah sebuah pulau bebas cukai dengan penganjuran pelbagai acara peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ciri-ciri ini memberi kesan kepada jumlah kedatangan pelancong yang tinggi sekaligus meningkatkan permintaan sektor penginapan di Pulau Langkawi. Selain itu, rekod pertumbuhan firma pelancongan di Pulau Langkawi adalah antara tertinggi di Malaysia di mana Pulau Langkawi sahaja mempunyai 170 buah firma pelancongan berasaskan penginapan yang mewakili 76 peratus daripada populasi firma penginapan di Negeri Kedah serta 5 peratus di Malaysia pada tahun 2010 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011a). Berdasarkan tinjauan terhadap penawaran penginapan di laman sesawang tempahan atas talian, daripada 964 buah firma penginapan yang ditawarkan di 44 buah destinasi

pelancongan pantai dan pulau di Semenanjung Malaysia pada tahun 2017, sebanyak 386 buah atau 40 peratus terletak di Pulau Langkawi.

Walaupun Pulau Langkawi mengalami kepesatan pembangunan, rekod menunjukkan bahawa terdapat 46 buah premis penginapan berusia lebih daripada 30 tahun yang masih kekal bertahan sehingga hari ini (Suruhanjaya Syarikat Malaysia, 2019). Berdasarkan justifikasi ini, Pulau Langkawi adalah lokasi yang paling sesuai bagi melihat fenomena yang berlaku. Keupayaan STFs kekal beroperasi di dalam tempoh yang lama dengan pelbagai kekangan dalam pertumbuhan perlu dilihat bagi mengenalpasti faktor-faktor kejayaan dan seterusnya mengenalpasti faktor kejayaan kritikal pertumbuhan mereka.

1.4 Persoalan Penyelidikan

Bagi memandu arah penyelidikan ke peringkat seterusnya, lima persoalan penyelidikan dibentuk iaitu :

- i. Apakah ciri-ciri dan karektor firma kecil berasaskan penginapan di destinasi pelancongan pantai?
- ii. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penubuhan dan pertumbuhan firma kecil berasaskan penginapan di destinasi pelancongan pantai?
- iii. Apakah faktor-faktor kritikal yang paling mempengaruhi penubuhan dan pertumbuhan firma kecil berasaskan penginapan di destinasi pelancongan pantai?
- iv. Apakah faktor-faktor modal kewangan mempengaruhi penubuhan dan pertumbuhan firma kecil berasaskan penginapan di destinasi pelancongan pantai?
- v. Bagaimana karakter dan motivasi pengusaha, strategi perniagaan, aspek pengurusan serta modal kewangan mempengaruhi prestasi dan pertumbuhan firma kecil berasaskan penginapan di destinasi pelancongan pantai?

1.5 Matlamat, Objektif dan Skop Penyelidikan

1.5.1 Matlamat Penyelidikan

Matlamat penyelidikan ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor kejayaan kritikal pertumbuhan firma pelancongan kecil berasaskan penginapan di destinasi pelancongan pantai Malaysia.

1.5.2 Objektif Penyelidikan

Bagi mencapai matlamat penyelidikan, tiga objektif telah dibentuk iaitu :

- i. Mengenalpasti karektor STFs berasaskan penginapan di destinasi pelancongan pantai;
- ii. Mengenalpasti faktor kejayaan kritikal pertumbuhan STFs berasaskan penginapan di destinasi pelancongan pantai berdasarkan peringkat pertumbuhan;
